

591:  
UMNO-NAIB

1975

KUALA LUMPUR, 8 FEB (BERNAMA) -- SEKURANG-KURANGNYA TUJUH ORANG AKAN BERTANDING MEREbut TIGA JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO MALAYSIA DALAM PERHIMPUNAN AGUNGNYA DI SINI PERTENGAHAN JUN.

JAWATAN ITU -- KETIGA TERTINGGINYA DALAM SUSUR-GALUR PARTI TERSEBUT SELEPAS TIMBALAN PRESIDEN DAN PRESIDEN, SEKARANG INI DISANDANG OLEH GABNOR PULAU PINANG, TAN SRI SARDON HAJI JUBIR.

DUA ORANG LAGI IALAH MENTERI PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, ENCIK ABDUL GHAFAR BABA DAN Pengerusi DAN KETUA EKSEKUTIF PETRONAS, TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH.

TAN SRI SARDON TIDAK AKAN BERTANDING LAGI KALI INI. SEMENTARA ENCIK GHAFAR DAN TENGGU TAN SRI RAZALEIGH AKAN TETAP MEMPERTAHAN-  
KAN KEDUDUKAN MASING-MASING. -- BERSAMBUNG 1725/A1

592:  
UMNO-NAIB 2 KUALA LUMPUR

BERNAMA MENDAPAT TAHU, TIGA ORANG LAGI PASTI AKAN BERTANDING MEREbut JAWATAN TERSEBUT.

MEREKA IALAH DUTA BESAR MALAYSIA KE AMARIKA SYARIKAT ENCIK KHIR JOHARI, TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI SYED NASIR, DAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO, TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR.

DR. MAHATHIR MOHAMAD, MENTERI PELAJARAN DAN TAN SRI GHAZALI SHAFIE, MENTERI DALAM NEGERI JUGA DIJANGKA BERTANDING.

TAN SRI GHAZALI KALAH DALAM PEMILIHAN JAWATAN NAIB PRESIDEN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG TAHUN 1972, TETAPI TERPILIH SEBAGAI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI. -- BERSAMBUNG 1724/ZCM

593:  
UMNO-NAIB 3 KUALA LUMPUR

DUA ORANG LAGI NAIB PRESIDEN UMNO TERPILIH SECARA OTOMATIK MELALUI JAWATAN MASING-MASING SEBAGAI KETUA PEMUDA DAN KETUA PERGERAKAN WANITA.

MEREKA IALAH MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI HARUN IDRIS DAN MENTERI KEBAJIKAN AM, HAJJAH AISHAH GHANI.

JAWATAN MEREKA YANG DIPERTANDINGKAN DUA TAHUN SEKALI DIJADUALKAN TAHUN DEPAN.

JAWATAN PRESIDEN DAN NAIB PRESIDEN TIDAK AKAN ADA TENTANGAN. PEMILIHAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO DIADAKAN TIGA TAHUN SEKALI.

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TAHUN INI AKAN DIADAKAN DI SINI SELAMA TIGA HARI NULAI 27 JUN. -- BERNAMA 1730/ZCM